



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

PELAN STRATEGIK

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

2024-2028

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



Diterbitkan oleh:

UNISSA Press
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE1310
Brunei Darussalam

© UNISSA Press

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

PELAN strategik 2024 – 2028. -- Bandar Seri Begawan : UNISSA Press,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2024.
40p. 20.32cm x 20.32cm.
ISBN 978-99984-51-22-3 (paperback)
1. Universiti Islam Sultan Sharif Ali 2. Education, higher -- Brunei
Darussalam 3. Universiti Islam Sultan Sharif Ali -- planning
4. Universiti Islam Sultan Sharif Ali -- Handbooks, manuals, etc

378.5955 PEN (DDC 23)

Rekabentuk Hiasan Kulit luar dan Susun Letak isi buku: Nadillah Jefri

06

Gagasan
Rektor

09

Pelan
Strategik
UNISSA
2024-2028

10

Ringkasan
Eksekutif

12

Visi

13

Misi

14

Syar
& Nilai
Teras

15

Pernyataan

16

Teras
Strategik

سیمینار بین‌المللی

INTERNATIONAL CONVENT



ISI KANDUNGAN

17

Teras
Strategik
1

21

Teras
Strategik
2

23

Teras
Strategik
3

27

Teras
Strategik
4

31

Teras
Strategik
5

33

Tafsiran
KPI

38

Glosari



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* kerana dengan izinNya juga Pelan Strategik 2024-2028 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dapat disempurnakan dan diterbitkan.

Pelan Strategik UNISSA 2024-2028 ini merupakan perancangan untuk tempoh lima (5) tahun mendatang bagi memastikan hala tuju UNISSA terus terarah memenuhi hasrat penubuhan sebuah institusi pengajian tinggi Islam. Ia memberi fokus kepada lima (5) teras utama, iaitu; melahirkan graduan siaga masa depan, mewujudkan ekosistem pendidikan yang mampan, menghasilkan penyelidikan dan daya inovasi yang berimpak tinggi, memperkasa kecemerlangan dalam pengantarabangsaan dan pengiktirafan, serta memacu pembangunan ummah yang dinamik dan lestari.

Teras-teras ini akan menjadi pemangkin yang memantapkan usaha ke arah mencipta legasi kecemerlangan bagi mendukung visi menjadi "pengajian tinggi Islam global melahirkan generasi *Khayra Ummah*". Penekanan pada kata "*Khayra Ummah*" yang diambil daripada pernyataan suci surah Āli 'Imrān ayat 110 mengukuhkan tautan bahawa UNISSA adalah sebuah institusi yang membangun daya inteleknya berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah seiring prinsip penubuhannya. UNISSA komited menzahirkan tema ini dalam kerangka memartabatkan kecemerlangan ilmu dan ketrampilan insan untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah negara maju yang berpendidikan tinggi, berkemahiran sekaligus cakna ummah sejagat.

Dalam pada itu, Pelan Strategik UNISSA 2024-2028 ini juga adalah terjemahan kepada peranan signifikan seluruh warga UNISSA yang merangkumi pihak pentadbiran dan pengurusan, tenaga akademik dan para pelajar terhadap pembangunan pengetahuan tinggi di menara ilmu.

GAGASAN REKTOR

Adalah juga diharapkan perancangan kerja bagi semua warga UNISSA akan menjadi lebih fokus, berstrategik dan bersistematis dalam merealisasikan matlamat yang dipersetujui bersama di samping menepati kehendak pemegang taruh, komuniti dan negara.

Proses pembangunan Pelan Strategik ini setentunya melibatkan komitmen tinggi banyak pihak berkepentingan, di samping menuntut masa yang bukan sedikit serta cetusan idea kreatif yang dinamik dan berwawasan. Dengan itu, saya sukacita merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Unit Perancangan Strategik, Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, UNISSA dan semua pihak yang gigih menghulur sumbangan daripada peringkat sumbang saran, seterusnya pemurnian sehinggaalah Pelan Strategik UNISSA 2024-2028 ini berhasil diterbitkan.

Semoga segala usaha yang dilakukan dengan ikhlas diberkati oleh Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* juga.

Akhir kalam, marilah kita sama-sama menjayakan perancangan ini dengan penuh keikhlasan, amanah dan bertanggungjawab. Kita percaya kejayaan mengatur perancangan yang efektif dan efisien adalah melalui kebersamaan yang sekaligus memperkuatkan keutuhan perpaduan dalam sebuah institusi.

Sekian. Terima kasih.

Dato Seri Setia Dr Haji Norrfan bin Haji Zainal
Rektor





PELAN STRATEGIK

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

2024-2028

VISI

Institusi Pengajian Tinggi Islam Global Melahirkan Generasi
Khayra Ummah

TERAS STRATEGIK

1

Melahirkan graduan siaga masa depan

2

Mewujudkan ekosistem pendidikan yang mampan

INISIATIF STRATEGIK

- Menyediakan tenaga akademik yang berkualiti tinggi dan kompeten
- Menawarkan program akademik yang berkualiti tinggi dan relevan
- Mempelbagaikan program dan meningkatkan kualiti kemahiran insaniah
- Melahirkan graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)

11 KPI

- Menyediakan infrastruktur dan prasarana yang mampan dan inklusif
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan urus tadbir

5 KPI

MISI

Menyediakan pendidikan tinggi Islam yang berkualiti dan penyelidikan berimpak tinggi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah dalam ekosistem mampan berteraskan *Maqasid Syari'ah*.

3

Menghasilkan
penyelidikan dan
daya inovasi yang
berimpak tinggi



4

Memperkasa
kecemerlangan dalam
pengantarabangsaan
dan pengiktirafan



5

Memacu
pembangunan ummah
yang dinamik dan
lestari



- Memacu hasil penyelidikan yang berimpak tinggi
- Memperkasa budaya inovasi dalam penyelidikan

7 KPI

- Memperkuuh kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan di dalam dan luar negara
- Mendapatkan pengiktirafan dan penarafan di peringkat program dan institusi

5 KPI

- Mempergiat program dan aktiviti kemasyarakatan dan alam sekitar
- Mempelbagai program dan kursus pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat

4 KPI



DEFINISI:

Institusi Pengajian Tinggi Islam global

UNISSA berhasrat untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi Islam global yang mampu melahirkan generasi siaga masa depan melalui kerjasama strategik bersama universiti luar, industri, badan-badan Kerajaan dan bukan Kerajaan (NGOs). Sebuah institusi pengajian tinggi Islam global juga perlu menyediakan program pendidikan berkualiti dan relevan, mempamerkan kecemerlangan dalam penyelidikan dan daya inovasi yang tinggi serta menyediakan ekosistem perkhidmatan dan tadbir urus yang mampan.

Melahirkan generasi *Khayra Ummah*

Sebagai institusi pengajian tinggi Islam global, UNISSA juga berhasrat untuk memberi impak positif kepada pembangunan ummah. Inspirasi perkataan *Khayra Ummah* diambil dari ayat 110, Surah Ali-'Imran, bermaksud "sebaik-baik umat":

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايْتُ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَتَوَمَّنُونَ بِاللَّهِ

Tafsiran:


Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah.

VISI

Institusi Pengajian Tinggi
Islam Global Melahirkan
Generasi *Khayra Ummah*

MISI

Menyediakan pendidikan tinggi Islam yang berkualiti dan penyelidikan berimpak tinggi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah dalam ekosistem mampan berteraskan *Maqasid Syari'ah*.



DEFINISI:

Pendidikan tinggi Islam berkualiti

UNISSA komited untuk menyediakan program pendidikan yang berkualiti dan relevan dengan memupuk nilai dan ajaran Islam dalam pengajaran dan pembelajaran

Penyelidikan berimpak tinggi

UNISSA komited mempergiatkan aktiviti penyelidikan yang berimpak tinggi dan menghasilkan daya inovasi baru


Pemangkin kepada pembangunan ummah

UNISSA berperanan untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah global melalui jaringan kerjasama strategik, program khidmat masyarakat dan pembelajaran separjang hayat

Ekosistem mampan berteraskan *Maqasid Syari'ah*

UNISSA mementingkan ekosistem pengurusan akademik dan pentadbiran yang lestari selaras dengan *Maqasid Syari'ah* dan Wawasan Brunei 2035

SYIAR & NILAI TERAS



Memiliki sikap kreatif, inovatif, kompetitif dan siaga masa depan bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035

4
BERWAWASAN

4B
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ}

"Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah. Dan (dengan keterangan ini) Allah mengajar kamu"

Memimpin masyarakat menjadi *Khayra Ummah*

3
BERKEIMPINAN

1
BERILMU

Mengamal dan menyebar ilmu pengetahuan ke arah kecemerlangan duniawi dan ukhrawi

2
BERTAQWA

Membentuk insan yang berintegriti dan bertaqwa

PERNYATAAN PELAN STRATEGIK 2024-2028

Menjadi institusi
pengajian tinggi Islam global
yang memperkasa
pembangunan ummah melalui
ekosistem pendidikan mampan

TERAS STRATEGIK (TS)



Melahirkan graduan siaga masa depan



Mewujudkan ekosistem pendidikan yang mampan



Menghasilkan penyelidikan dan daya inovasi yang berimpak tinggi



Memperkasa kecemerlangan dalam pengantarabangsaan dan pengiktirafan



Memacu pembangunan ummah yang dinamik dan lestari

TERAS STRATEGIK 1

Melahirkan graduan siaga masa depan

Inisiatif Strategik

- Menyediakan tenaga akademik yang profesional dan kompeten
- Menawarkan program akademik yang berkualiti tinggi dan relevan
- Mempelbagaikan program kemahiran insaniah
- Melahirkan graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)

TS 1: MELAHIRKAN GRA

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
1.1 Menyediakan tenaga akademik yang profesional dan kompeten	1. % tenaga akademik yang mempunyai kelulusan PhD	Pendaftar (HR)	77%	78%	79%	80%	81%	82%
	2. % tenaga akademik yang mengikuti latihan pembangunan profesional	Pendaftar & PR Akademik (HR & C4L)	75%	80%	85%	90%	95%	100%
	3. % tahap kepuasan maklum balas pelajar	PR Akademik (UJK)	98%	98%	98%	99%	99%	99%

DUAN SIAGA MASA DEPAN

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
1.2 Menawarkan program akademik yang berkualiti tinggi dan relevan	4. Nisbah tenaga akademik dan pelajar	Pendaftar Pendaftar & PR Akademik (HR, PPA & PPS)	1:19	1:17	1:16	1:15	1:14	1:13
	5. Bilangan program akademik baharu yang relevan dengan keperluan semasa	PR Akademik (Fakulti & Pusat Kecemerlangan Akademik)	71	74	77	80	83	86
	6. % graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian	PR HEPA (OCeAN)	57%	58%	59%	60%	61%	62%
	7. Bilangan program <i>collaborative degree</i>	PR Akademik (Fakulti & Pusat Kecemerlangan Akademik)	0	1	1	2	2	3

TS 1: MELAHIRKAN GRADUAN SIAGA MASA DEPAN

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
1.3 Mempelbagaikan program kemahiran insaniah	8. Bilangan program kemahiran siaga masa depan	PR HEPA (JPKP)	213	214	216	219	221	223
	9. % tahap kepuasan majikan terhadap graduan	PR HEPA (OCeAN)	81%	81%	82%	83%	84%	85%
1.4 Melahirkan graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan	10. % pelajar prasiswazah yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)	PR Akademik (PPA)	90%	91%	92%	93%	94%	95%
	11. % pelajar siswazah yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)	PR Akademik (PPS)	28%	30%	32%	34%	36%	38%

TERAS STRATEGIK 2

Mewujudkan ekosistem pendidikan yang mampan

Inisiatif Strategik

- Menyediakan infrastruktur dan prasarana yang mampan dan inklusif
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan urus tadbir

TS 2: MEWUJUDKAN EKOSISTEM PENDIDIKAN YANG MAMPAN

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
2.1 Menyediakan infrastruktur dan prasarana yang mampan dan inklusif	12. % tahap kepuasan warga UNISSA terhadap keselesaan dan kecukupan infrastruktur dan prasarana	PR PAP & Pendaftar (PTM, Estet & HSSE)	75%	76%	77%	78%	79%	80%
	13. % tahap kepuasan warga UNISSA terhadap bahan rujukan perpustakaan	PR PAP (Perpustakaan)	73%	76%	77%	78%	79%	80%
2.2 Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan urus tadbir	14. % tahap kepuasan warga UNISSA dan stakeholder terhadap kualiti pengurusan (pentadbiran dan kewangan)	Pendaftar (Pentadbiran & Kewangan)	73%	76%	77%	78%	79%	80%
	15. % tahap kepuasan pelajar dan tenaga akademik terhadap kualiti pengurusan akademik	PR Akademik (PPA & PPS)	73%	76%	77%	78%	79%	80%
2.3 Meningkatkan kualiti pengurusan akademik dan sokongan akademik	16. Bilangan dasar yang mendukung Matlamat Pembangunan Mampan	Pendaftar & PR PAP (JK SDG)	3	4	5	6	7	8

TERAS STRATEGIK 3

Menghasilkan penyelidikan dan
daya inovasi yang berimpak tinggi

Inisiatif Strategik

- Memacu hasil penyelidikan yang berimpak tinggi
- Memperkasa budaya inovasi dalam penyelidikan

TS 3: MENGHASILKAN PE INOVASI YANG BERIMPAK

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
3.1 Memacu hasil penyelidikan yang berimpak tinggi	17. Bilangan penerbitan berindeks Scopus / WoS	PR PAP (PPP)	57	60	63	66	69	72
	18. Bilangan petikan dalam Scopus / WoS	PR PAP (PPP)	141 (2022)	145 (2023)	150 (2024)	155 (2025)	160 (2026)	165 (2027)
	19. Bilangan dana penyelidikan dari organisasi luar	PR PAP (PPP)	3	4	5	6	7	8
	20. Bilangan kolaborasi penyelidikan antarabangsa	PR PAP (PPP)	4	5	6	7	8	9
	21. Bilangan penerbitan berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Mampan	PR PAP (PPP)	36	38	40	42	44	46

NYELIDIKAN DAN DAYA TINGGI

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
3.2 Memperkasa budaya inovasi dalam penyelidikan	22. Bilangan paten yang dihasilkan	PR PAP (PPP)	0	0	1	2	3	4
	23. Bilangan anugerah dalam inovasi	PR PAP & Akademik (PPP, Fakulti & Pusat Kecemerlangan Akademik)	3	4	5	6	7	8

TERAS STRATEGIK 4

Memperkasa kecemerlangan dalam
pengantarabangsaan dan pengiktirafan

Inisiatif Strategik

- Memperkuuh kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan di dalam dan luar negara
- Mendapatkan pengiktirafan dan penarafan di peringkat program dan institusi

TS 4: MEMPERKASA KECEMERLANGAN PENGIFTIRAFAN

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
4.1 Memperkuuh kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan di dalam dan luar negara	24. Bilangan aktiviti hasil jaringan MoU dan MoA	PR PAP (JPKP/ PusPAA/ Fakulti& Pusat Akademik)	252	254	256	258	260	262
	25. % pelajar antarabangsa	PR Akademik & HEPA (HEP)	8%	10%	11%	12%	13%	15%

DALAM PENGANTARABANGSAAN DAN

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
4.2 Mendapatkan pengiktirafan dan penarafan di peringkat program dan institusi	26. Bilangan program yang mendapat akreditasi di peringkat antarabangsa	PR PAP (PPPS)	1	1	2	3	4	5
	27. Bintang diperolehi dalam QS Stars University Rating	PR PAP (PPPS)	5 bintang	5 bintang	5 bintang	5+ bintang	5+ bintang	5+ bintang
	28. Bilangan anugerah dan pengiktirafan antarabangsa	PR PAP (PPPS, JPKP, Fakulti & Pusat Akademik)	25	27	28	29	30	31

TERAS STRATEGIK 5

Memacu pembangunan ummah
yang dinamik dan lestari

Inisiatif Strategik

- Mempergiat program kemasyarakatan dan alam sekitar
- Mempelbagai program dan kursus pembelajaran sepanjang hayat untuk orang ramai

TS 5: MEMACU PEMBANGUNAN UMMAH YANG DINAMIK DAN LESTARI

INISIATIF STRATEGIK	KPI	PENERAJU	GARIS DASAR	SASARAN				
				2024	2025	2026	2027	2028
5.1 Mempergiat program kemasyarakatan dan alam sekitar	29. Bilangan program khidmat masyarakat yang mendukung Matlamat Pembangunan Mampan	Pendaftar & PR HEPA (JPKP, PPIB, Fakulti & Pusat Kecemerlangan Akademik)	20	20	23	26	29	32
	30. Bilangan jam penglibatan warga UNISSA dalam program libatsama masyarakat	Pendaftar & PR HEPA (JPKP, PPIB, Fakulti & Pusat Kecemerlangan Akademik)	40 jam setahun	42 jam setahun	44 jam setahun	46 jam setahun	48 jam setahun	50 jam setahun
5.2 Menyediakan program dan kursus pembelajaran sepanjang hayat kepada orang ramai	31. Jumlah program pembelajaran sepanjang hayat untuk orang ramai	PR Akademik (C4L)	33	34	35	36	37	38
	32. % tahap kepuasan program pembelajaran sepanjang hayat untuk orang ramai	PR Akademik (C4L)	72%	74%	76%	78%	80%	82%

TAFSIRAN KPI

Tafsiran KPI

KPI

1. % tenaga akademik yang mempunyai kelulusan PhD
2. % tenaga akademik yang mengikuti latihan pembangunan profesional

3. % tahap kepuasan maklum balas pelajar

4. Nisbah tenaga akademik dan pelajar

5. Bilangan program akademik baharu yang relevan dengan keperluan semasa

6. % graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian

7. Bilangan program *collaborative degree*

TAFSIRAN

Peratus tenaga akademik tempatan dan antarabangsa yang mempunyai kelulusan PhD

Peratus tenaga akademik tempatan dan antarabangsa yang menjalani latihan pembangunan profesional (perkiraan berdasarkan % tenaga akademik dan bukan % atau bilangan program latihan yang diikuti)

Peratus tahap kepuasan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran melalui Student Feedback Exercise yang dijalankan oleh Unit Jaminan Kualiti (UJK) pada setiap semester. (perkiraan berdasarkan kursus/tenaga akademik yang mendapat gred cemerlang (A- dan ke atas) dalam SFE sahaja)

Nisbah tenaga akademik dan pelajar yang berdaftar dan mempunyai ID

Bilangan program akademik baharu yang relevan dengan keperluan semasa (Setiap program bagi setiap peringkat pengajian dikira 1 program. Jika 1 bidang/program ditawarkan dalam 3 peringkat, ianya dikira 3 program berasingan) (Jumlah bilangan dibawa ke tahun seterusnya)

Peratus graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian (selepas klasifikasi disahkan oleh Mesyuarat Senat) Ini termasuk mereka yang mendapat pekerjaan secara sementara, separuh masa, berkontrak atau bekerja sendiri.

Bilangan program *collaborative degree* yang ditawarkan dalam dan luar negara (universiti yang ada kerjasama MoU bersama UNISSA) termasuk *joint degree*, *double degree* dan sebagainya (Jumlah bilangan dibawa ke tahun seterusnya)

8. Bilangan program kemahiran siaga masa depan	Bilangan program kemahiran siaga masa depan (<i>future-ready skills</i>) yang boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan
9. % tahap kepuasan majikan terhadap graduan	Peratus tahap kepuasan majikan terhadap graduan melalui kaji selidik yang dijalankan sekali dalam setahun
10. % pelajar prasiswazah yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)	Peratus pelajar prasiswazah yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)
11. % pelajar siswazah yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)	Peratus pelajar siswazah yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)
12. % tahap kepuasan warga UNISSA terhadap keselesaan dan kecukupan infrastruktur dan prasarana	Peratus tahap kepuasan warga UNISSA terhadap keselesaan dan kecukupan sarana dan prasarana melalui kaji selidik yang dijalankan oleh pihak PTM, Estet & HSSE UNISSA sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester
13. % tahap kepuasan warga UNISSA terhadap bahan rujukan perpustakaan	Peratus tahap kepuasan (sangat baik dan baik) warga UNISSA (pelajar dan staf akademik) terhadap bahan rujukan perpustakaan melalui kaji selidik yang dijalankan oleh pihak perpustakaan UNISSA sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester
14. % tahap kepuasan warga UNISSA dan <i>stakeholder</i> terhadap kualiti pengurusan (pentadbiran dan kewangan)	Peratus tahap kepuasan warga UNISSA dan <i>stakeholder</i> terhadap kualiti pengurusan (pentadbiran dan kewangan) melalui kaji selidik yang dijalankan oleh pihak pentadbiran UNISSA sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester
15. % tahap kepuasan pelajar dan tenaga akademik terhadap kualiti pengurusan akademik	Peratus tahap kepuasan pelajar dan tenaga akademik terhadap kualiti pengurusan akademik melalui kaji selidik yang dijalankan oleh pihak PPA dan PPS UNISSA sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester
16. Bilangan dasar yang mendukung Matlamat Pembangunan Mampan	Bilangan dasar yang dilaksanakan yang mendukung Matlamat Pembangunan Mampan (Jumlah bilangan dibawa ke tahun seterusnya)

17. Bilangan penerbitan berindeks Scopus / WoS	Bilangan penerbitan dalam Scopus / WoS (QS <i>World University Rankings</i> mengambil kira penerbitan dalam Scopus bagi penerbitan 5 tahun kebelakangan)
18. Bilangan petikan dalam Scopus / WoS	Bilangan petikan dalam Scopus / WoS (QS <i>World University Rankings</i> mengambil kira petikan dalam Scopus bagi penerbitan 6 tahun kebelakangan)
19. Bilangan dana penyelidikan dari organisasi luar	Dana penyelidikan yang dianugerahkan oleh organisasi atau agensi luar selain UNISSA
20. Bilangan kolaborasi penyelidikan antarabangsa	Bilangan kolaborasi penyelidikan antarabangsa yang diluluskan
21. Bilangan penerbitan berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Mampan	Bilangan penerbitan berindeks Scopus / WoS berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Mampan
22. Bilangan paten yang dihasilkan	Bilangan paten yang dihasilkan oleh UNISSA ataupun hasil kerjasama dengan institusi luar. (Jumlah bilangan dibawa ke tahun seterusnya)
23. Bilangan anugerah dalam inovasi	Bilangan anugerah dalam inovasi dalam dan luar negara yang telah mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga. (kertas kerja atau poster terbaik tidak termasuk dalam perkiraan)
24. Bilangan aktiviti hasil jaringan MoU dan MoA	Bilangan aktiviti secara fizikal dan dalam talian hasil jaringan MoU dan MoA seperti mobiliti (<i>Study Abroad Program, Student Exchange Program</i> , lawatan, pertukaran tenaga akademik, menghadiri forum, seminar dan persidangan, menyampaikan kuliah, <i>sabbatical, postdoc, Writing Semester Scheme</i> , bengkel dan sebagainya), penyelidikan bersama, penerbitan bersama, penyeliaan dan sebagainya
25. % pelajar antarabangsa	Peratus pelajar antarabangsa yang berdaftar di UNISSA dan mobiliti (<i>inbound</i>)

26. Bilangan program yang mendapat akreditasi di peringkat antarabangsa
27. Bintang diperolehi dalam *QS Stars University Rating*
28. Bilangan anugerah dan pengiktirafan antarabangsa
29. Bilangan program khidmat masyarakat yang mendukung Matlamat Pembangunan Mampan
30. Bilangan jam penglibatan warga UNISSA dalam program libatsama masyarakat
31. Jumlah program pembelajaran sepanjang hayat untuk orang ramai
32. % tahap kepuasan program pembelajaran sepanjang hayat untuk orang ramai
- di Bilangan program yang mendapat akreditasi dari badan pengiktirafan antarabangsa (Jumlah bilangan dibawa ke tahun seterusnya)
- Bintang diperolehi dalam *QS Stars University Rating* hasil dari penilaian yang dibuat setiap 3 atau 5 tahun sekali
- Bilangan anugerah dan pengiktirafan yang diperolehi di peringkat antarabangsa yang telah mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga. Anugerah termasuk kertas kerja dan poster terbaik dalam persidangan dan pertandingan. Manakala, pengiktirafan termasuk lantikan sebagai pakar rujuk di peringkat antarabangsa seperti penilai, juri, pembentang utama dan sebagainya
- Bilangan program khidmat masyarakat yang berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Mampan. Program khidmat masyarakat ini hanya mengambil kira aktiviti dan program yang memberi impak kepada masyarakat dan alam sekitar
- Bilangan jam penglibatan dalam program libatsama yang memberi impak kepada masyarakat dan alam sekitar
- Jumlah program pembelajaran sepanjang hayat untuk orang ramai dalam satu tahun
- Peratus tahap kepuasan program pembelajaran sepanjang hayat untuk orang ramai melalui kaji selidik yang diagihkan di akhir sesi program dan kursus

GLOSARI

Glosari

Akreditasi	Pengiktirafan terhadap sesuatu kursus, program atau institusi setelah dinilai dan didapati memenuhi segala kriteria, syarat dan kualiti yang ditetapkan
Ekosistem pendidikan	Sebuah sistem yang merangkumi manusia, isi kandungan, teknologi, budaya dan strategi di dalam dan di luar organisasi, di mana semuanya memberi impak ke atas pembelajaran formal dan tidak formal dalam organisasi tersebut
Kemahiran siaga masa depan	Kemahiran siaga masa depan ialah kemahiran yang membolehkan individu berkembang maju dalam dunia yang berubah dengan pantas seperti kemahiran pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kerjasama, komunikasi, kreativiti, celik digital dan kesedaran global
Pembelajaran sepanjang hayat	Pencarian ilmu pengetahuan yang berterusan dan sukarela atas motivasi kendiri untuk tujuan peribadi dan profesional
Pengiktirafan	Pengiktirafan dari badan pengiktirafan dan institusi pengajian tinggi termasuk menerima lantikan menjadi pakar rujuk seperti penilai, penyelia, juri, pembentang ucaptama dan sebagainya
Program mobiliti	Program mobiliti termasuk <i>Study Abroad Program, Student Exchange Program, lawatan, pertukaran tenaga akademik, menghadiri forum, seminar dan persidangan, menyampaikan kuliah, sabbatical, postdoc, Writing Semester Scheme, bengkel</i> dan sebagainya

JAWATANKUASA PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK UNISSA 2024-2028

Penasihat

Dato Seri Setia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor

Pengerusi

Dr Haji Arman bin Asmad
Penolong Rektor

(Penyelidikan, Antarabangsa dan Perkhidmatan)

Ahli-ahli

Prof. Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad
Penolong Rektor (Hal Ehwal Akademik)

Dr Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu
Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Zalinawati binti Haji Mohaimin
Pemangku Pendaftar

Nor Hayati binti Haji Awang Besar
Pemangku Bendahari

Dr Khatijah binti Othman
Ketua Unit Jaminan Kualiti

Awang Haji Hayatuddin bin Haji Moksin
Dekan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar

Dr Awang Haji Hambali bin Haji Awang Jaili
Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan
Antarabangsa

Dr Hajah Sri Rahayu @ Hajah Nurjanah
binti Haji Dollah
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan

Dr Muhamad Alif bin Haji Sismat
Pengarah Pejabat Perancangan dan
Pembangunan Strategik

Setiausaha

Hajah Radziah binti
Haji Abdullah
Ketua Unit Perancangan
Strategik

Dr Zulamali bin
BPK Haji Matassan
Ketua Unit Pengiktirafan
dan Pengkorporatan

Urusetia

Norsufizah binti Alias
Pegawai Perangkaan i-Ready

Nur Atiqah binti Moksin
Pegawai Perangkaan i-Ready

Nuridah binti Abd Rahman
Kerani

Penerbitan ini boleh didapati secara dalam talian melalui laman web UNISSA:
www.unissa.edu.bn

 Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam, BE 1310

 +673 246 2000

 spdo@unissa.edu.bn

 www.unissa.edu.bn

 **Disediakan oleh**
Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, UNISSA

ISBN 978-99984-51-22-3



9 789998 451223